

PEMBENTUKAN INSTRUMEN MOTIF PENGLIBATAN REMAJA DALAM SUKAN

Nelfianty Mohd Rasyid*, Shaharudin Abdul Aziz, Ruaibah Yazani Tengah

Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

*Email: nelfianty@fsskj.upsi.edu.my

(Received 23 September 2018; accepted 31 December 2018; published online 27 July 2019)

To cite this article: Mohd Rasyid, N., Abdul Aziz, S., & Tenagh, R. Y. (2019). Pembentukan instrumen motif penglibatan remaja dalam sukan. *Malaysian Journal of Movement, Health & Exercise*, 8(2), 57-66. <https://doi.org/10.15282/mohe.v8i2.308>

Link to this article: <https://doi.org/10.15282/mohe.v8i2.308>

Abstrak

Kajian ini bertujuan membentuk instrumen untuk mengenal pasti motif penglibatan remaja dalam bidang sukan. Instrumen Motif Penglibatan Sukan (MPS) dibina melalui dua fasa penyelidikan iaitu fasa penggubalan item dan ujian psikometrik instrumen. Penggubalan item soal selidik dilakukan mengikut proses Nominal Group Technique terhadap remaja yang aktif dalam sukan. Sebanyak 75 item telah terhasil daripada fasa penggubalan item soal selidik. Analisis faktor dan nilai pekali Alpha Cronbach digunakan untuk menguji bilangan faktor dan kebolehpercayaan dalaman data. Soal selidik MPS telah ditadbir ke atas 582 orang remaja yang aktif bersukan bagi mendapatkan analisis faktor dan kebolehpercayaan instrumen. Hasil proses analisis komponen prinsipal soal selidik MPS mempunyai 58 item merangkumi sembilan faktor iaitu Menaikkan Nama Negara, Kesihatan dan Kecergasan, Peningkatan Kemahiran, Inginkan Cabaran, Inginkan Kejayaan, Kebanggaan Keluarga, Kebanggaan Diri, Kestabilan Emosi dan Jaminan Masa Depan. Muatan faktor untuk setiap item adalah dalam julat 0.40 hingga 0.74 dan nilai kebolehpercayaan (alpha) adalah dalam julat 0.66 hingga 0.93. Kesahan kandungan MPS telah dinilai oleh tujuh orang pakar bidang dan telah mengesahkan MPS mempunyai kesahan kandungan dan dapat menguji dengan tepat motif penglibatan remaja dalam bidang sukan. Dapatan kajian ini menunjukkan instrumen MPS mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh digunapakai dalam mengenal pasti motif penglibatan remaja dalam sukan.

Kata kunci: Instrumen, motif penglibatan sukan, atlet remaja

DEVELOPMENT OF INTERNATIONAL MOTIF INVENTORY MOTIVES

Abstract

This study aimed to develop an instrument to identify the motives of youth involvement in sports. The Sports Engagement Motivation Instrument (MPS) is constructed through two phases of research, namely the phasing of the item and the psychometric testing of the instrument. Formulation of questionnaire items was conducted in accordance with the Nominal Group Technique process for youths who are active in sports. A total of 75 items were generated from the questionnaire design phase. Alpha Cronbach's factor analysis and coefficient values were used to test the number of factors and internal reliability of the data. The SPS questionnaire was administered to 582 active youths for factor analysis and instrument reliability. The results of the analysis of the principal components of the MPS questionnaire consisted of 58 items, comprising nine factors, namely Raising Country Name, Health and Fitness, Skill Improvement, Wanting Challenges, Seeking Success, Family Pride, Pride, Emotional Stability and Future Assurance. Factor loadings for each item ranged from 0.40 to 0.74, and reliability (alpha) values ranged from 0.66 to 0.93. The validity of MPS content has been evaluated by seven field experts and has confirmed that MPS has validity of content and can accurately test the motives of youth involvement in sports. The findings of this study indicate that the MPS instrument has high reliability and reliability and can be used in identifying adolescents' involvement in sports.

Keywords: Instruments, sports engagement motives, teenage athletes

Pengenalan

Isu-isu sukan remaja terutamanya perkara yang dapat meningkatkan motivasi remaja untuk melibatkan diri dalam bidang sukan merupakan bidang kajian yang sering dibincangkan oleh ahli psikologi sukan (Gill, 2000; Horn, 2008). Persoalan mengapa sesetengah remaja memilih untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan, mengapa sesetengahnya berhenti daripada meneruskan penglibatan mereka dan mengapa sesetengah yang lain itu tidak menyertai aktiviti sukan, merupakan beberapa persoalan yang sering mendapat perhatian para pengkaji sains sosial (Wann, 1997; Gill, 2000; Weinberg & Gould, 2015, Gjesdal, Appleton & Ommundsen, 2017). Menurut Gill (2000), langkah pertama yang perlu diberi tumpuan bagi menggalakkan remaja melibatkan diri secara konsisten dan serius dalam bidang sukan ialah dengan mengenal pasti motif penglibatan mereka.

Tumpuan kajian awal berkenaan motif penglibatan dalam bidang sukan menjurus kepada dua topik utama iaitu sebab-sebab individu terlibat dan menarik diri daripada meneruskan penglibatan (Horn, 2008). Hasil kajian lampau mendapati bahawa terdapat pelbagai motif individu melibatkan diri dalam bidang sukan antaranya mencari kenalan, menguasai sesuatu kemahiran, mendapatkan kepuasan, meningkatkan status diri, keseronokan, pembebasan tenaga, menghadapi cabaran, meningkatkan kecergasan fizikal dan pengiktirafan sosial (Gill, Gross & Huddleston, 1983; Fung & Chan, 1994; Wang & Wiese-Bjornstal, 1996; Gjesdal, Appleton & Ommundsen, 2017). Tidak terdapat satu motif yang menjadi faktor penglibatan seseorang dalam bidang sukan sebaliknya terdapat beberapa motif yang berbeza mengikut peringkat umur, jantina, bangsa, budaya, jenis dan tahap penglibatan dalam bidang sukan (Horn, 2008). Pencarian terhadap motif penglibatan dalam bidang sukan masih berterusan dan keperluan meneliti motif mengikut ciri-ciri demografi dan budaya sesebuah negara amat diperlukan bagi meningkatkan tahap penglibatan dalam bidang sukan dan seterusnya meningkatkan prestasi sukan.

Antara penyelidik terdahulu yang mengkaji motif remaja melibatkan diri dalam bidang sukan adalah seperti Alderman dan Wood, 1976; Gill, Gross dan Huddleston, 1983; Roberts, 1993; dan White dan Duda, 1994). Walaupun banyak kajian telah dijalankan di negara-negara Barat, namun kajian berkenaan motif penglibatan remaja dalam masyarakat Timur masih kurang (Yan & McCullagh, 2004). Menurut Gill (2000), walaupun banyak kajian telah dijalankan bagi mengenal pasti motif penglibatan remaja dalam bidang sukan sejak tahun 1980-an lagi, namun topik ini masih menjadi tumpuan utama para saintis sukan kerana pertambahan bilangan remaja yang berhenti daripada meneruskan penglibatan apabila meningkat dewasa. Berdasarkan kajian Stratton (2006), dua puluh lima peratus daripada remaja akan berhenti daripada meneruskan penglibatan dalam sesuatu aktiviti sukan selepas tiga tahun penyertaan.

Kajian yang dijalankan oleh Gill, Gross dan Huddleston (1983) merupakan salah satu kajian yang menjadi perintis terhadap pencarian motif penglibatan remaja menyertai sukan. Dapatan kajian menunjukkan motif utama yang menarik minat remaja melibatkan diri dalam bidang sukan adalah Pencapaian/Status; Pasukan/Kumpulan; Kecergasan Fizikal; Pembebasan Tenaga; Persekitaran/Situasi; Peningkatan Kemahiran; Persahabatan dan Keseronokan. Dua sebab utama penglibatan lelaki dan wanita dalam sukan adalah untuk mendapatkan keseronokan dan mempelajari kemahiran baru. Gill dan rakan-rakan juga mendapati terdapat perbezaan antara lelaki dan wanita iaitu atlet lelaki lebih mengutamakan

motif pencapaian dan meningkatkan status diri berbanding wanita. Motif penglibatan remaja dalam bidang sukan telah dikaji dalam pelbagai perspektif seperti perbezaan antara motif penglibatan remaja lelaki dan wanita (Gill et al., 1983; Fortier, Vallerand, Briere & Provencher, 1995; Ogles, Masters & Richardson, 1995; Amorose & Horn, 2000; Holden, Pugh, & Schwarz, 2017); antara pelbagai pengalaman bermain (Masters & Ogles, 1995; Chantal Guay, Dobreve-Martinova & Vellarend, 1995), pelbagai jenis sukan (Frederick & Ryan, 1995; Trembath, Szabo & Baxter, 2002; Holden, Pugh, & Schwarz, 2017), dan motif berbanding negara dan budaya tertentu (Buonamano, Cei, & Mussino, 1995; Hayashi & Weiss, 1994; Fung, 1992, Weinberg et al., 2000).

Penyelidik terdahulu telah menggunakan pelbagai instrumen mengkaji motif penglibatan dalam aktiviti fizikal seperti *Sport Motivation Scale* (SMS; Fortier, Vallerand, Biere, & Provencher, 1995), *Exercise Motivation Scale* (EMS; Li, 1999), *Exercise Motivation Inventory* (EMI; Markland & Hardy, 1993), *Exercise Motivation Inventory-2* (EMI-2; Markland & Ingledew, 1997); *Motivation for Physical Activity Measure* (MPAM), dan *Motivation for Physical Activity Measure – Revised* (MPAM-R; Ryan, Frederick, Lipes, Rubio, & Sheldon, 1997). Walau bagaimanapun kebanyakan instrumen ini dibentuk untuk menguji motif individu melibatkan diri dalam aktiviti senaman sahaja dan tidak menfokus kepada motif penglibatan dalam bidang sukan (Roychowdhury, 2018). Justeru suatu soal selidik yang lebih fokus kepada motif penglibatan dalam sukan perlu dibentuk. Dapatan kajian lampau juga menunjukkan kepelbagaian dalam motif penglibatan seseorang bergantung kepada jantina, budaya, persekitaran, pengalaman, dan jenis sukan tertentu. Berdasarkan tinjauan kajian lampau, penyelidik mendapati bahawa belum ada instrumen yang menguji motif penglibatan dalam sukan khusus untuk remaja Malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk membina instrumen motif remaja melibatkan diri dalam sukan. Pembentukan instrumen motif penglibatan sukan dapat memberi gambaran jelas mengenai sebab remaja Malaysia menyertai sukan dan seterusnya menyediakan persekitaran latihan yang bersesuaian dengan naluri remaja tersebut untuk menggalakkan penglibatan dalam sukan dan meningkatkan prestasi sukan negara.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan untuk membina instrumen bagi mengenal pasti motif penglibatan remaja dalam sukan. Pembentukan instrumen soal selidik Motif Penglibatan Sukan dijalankan melalui dua fasa penyelidikan iaitu fasa penggubalan item dan fasa ujian psikometrik soal selidik Motif Penglibatan Sukan (MPS)

Fasa penggubalan item

Penggubalan item soal selidik motif penglibatan sukan dilakukan mengikut proses *Nominal Group Technique* (Delbecq, Van de Ven & Gustafson, 1975). *Nominal Group Technique* adalah satu proses kajian sains bagi mendapatkan idea berkenaan sesuatu isu daripada kumpulan tertentu. Setiap individu dalam sesuatu kumpulan yang dibentuk akan mengeluarkan idea berkenaan sesuatu topik dan perbincangan secara terancang dilakukan sehingga memperoleh suatu keputusan yang dipersetujui oleh setiap ahli dalam kumpulan. Bagi memastikan idea berkenaan motif penglibatan dalam bidang sukan dihasilkan oleh

golongan remaja secara menyeluruh, seramai 40 orang responden yang terdiri daripada remaja yang aktif bersukan dan berumur 13 hingga 21 tahun telah menjalani proses penggubalan item.

Prosedur pembinaan item motif penglibatan dalam bidang sukan telah dijalankan mengikut tujuh peringkat iaitu:

- i. Pembentukan kumpulan
- ii. Penyenaraian motif melibatkan diri dalam bidang sukan secara individu.
- iii. Pembentangan motif penglibatan dalam bidang sukan secara lisan.
- iv. Perbincangan berkenaan item motif penglibatan yang telah dicatat.
- v. Pemilihan item motif penglibatan utama.
- vi. Pengiraan skor motif penglibatan utama.
- vii. Penyenaraian motif penglibatan dalam sukan mengikut urutan kepentingan.

Fasa ujian psikometrik instrumen Motif Penglibatan Sukan (MPS)

Instrumen yang terbentuk daripada fasa penggubalan item melalui proses *Nominal Group Technique* akan menjalani beberapa proses ujian psikometrik iaitu :-

- i. kajian 1 analisis komponen prinsipal (principal component analysis, PCA)
- ii. kesahan instrumen panel pakar
- iii. kajian 2 kebolehpercayaan instrumen MPS.

Kajian 1 dijalankan terhadap 582 orang remaja yang telah menjawab soal selidik MPS yang terhasil daripada fasa penggubalan item. Menurut Coakes dan Steed (2003), bilangan sampel untuk menjalankan analisis faktor ialah lima orang subjek bagi setiap satu item dan bilangan minimum sebanyak 100 orang. Oleh yang demikian jumlah 582 orang adalah mencukupi untuk membuat analisis komponen prinsipal 75 item yang telah dikenal pasti.

Kesahan kandungan instrumen MPS telah dinilai oleh tujuh orang ahli panel berdasarkan panduan prosedur pengesahan kandungan Baumgartner dan Hensley (2006). Panel yang dilantik terdiri daripada dua orang pensyarah universiti yang berpengalaman dalam bidang psikologi sukan, seorang pegawai Majlis Sukan Negara yang terlibat secara langsung dengan pembangunan dan persediaan psikologi atlet, seorang pegawai Pusat Perkembangan Kurikulum dan tiga orang pensyarah universiti yang pakar dalam bidang pembentukan soal selidik.

Fasa terakhir ujian psikometrik instrumen MPS adalah menjalankan kajian untuk mengenal pasti kebolehpercayaan dalaman (internal consistency) instrumen. Seramai 50 orang remaja yang aktif bersukan telah dipilih untuk telah menjawab soal selidik MPS

Dapatan Kajian

Fasa pengubalan item

Hasil proses *Nominal Group Technique*, sebanyak 75 item motif penglibatan dalam bidang sukan telah diperolehi. Berdasarkan item tersebut penyelidik telah membina soal selidik MPS menggunakan skala likert lima nilai. Skala likert lima nilai yang digunakan memberi

nilai 1 = sangat tidak penting, 2 = tidak penting, 3 = agak penting, 4 = penting dan 5 = sangat penting.

Fasa ujian psikometrik instrumen Motif Penglibatan Sukan (MPS)

Kajian 1 dijalankan untuk mengenal pasti faktor atau tema bagi 75 item MPS yang telah diperolehi hasil fasa penggubalan item. Sebanyak 13 faktor motif penglibatan telah dihasilkan melalui proses PCA untuk dipertimbangkan bagi analisis seterusnya. Nilai *eigenvalue* 13 faktor yang dihasilkan melebihi 1 dan menjelaskan sebanyak 58.96% daripada jumlah varians. Kaedah pusingan *varimax* dilakukan ke atas item untuk menghasilkan faktor *orthogonal* yang bermakna dan boleh diinterpretasi dengan lebih tepat. Item-Item yang mempunyai muatan faktor kurang daripada 0.40 atau item yang mempunyai korelasi yang tinggi dalam beberapa faktor digugurkan daripada analisis seterusnya bagi memastikan item yang terkandung dalam sesuatu faktor tertentu merupakan item yang tinggi korelasi hanya terhadap faktor tersebut sahaja. Kebolehpercayaan kesemua faktor diuji menggunakan *cronbach alpha* bagi memastikan ketekalan item-item tersebut mengukur konsep atau konstruk yang khusus. Setelah diuji kebolehpercayaan dalaman, faktor yang mempunyai nilai alpha 0.5 ke bawah digugurkan.

Setelah melalui proses analisis komponen prinsipal soal selidik Motif Penglibatan Sukan (MPS) akhirnya mempunyai 58 item sahaja berbanding 75 item pada awalnya dan merangkumi sembilan motif utama. Penyelidik memberikan nama kepada setiap faktor yang dapat mencerminkan sifat item-item tersebut. Sembilan faktor tersebut adalah Menaikkan Nama Negara, Kesihatan dan Kecergasan, Peningkatan Kemahiran, Inginkan Cabaran, Inginkan Kejayaan, Kebanggaan Keluarga, Kebanggaan Diri, Kestabilan Emosi dan Jaminan Masa Depan. Jadual 1 menunjukkan Kebolehpercayaan dalaman faktor motif penglibatan dalam sukan mengikut item.

Jadual 1: Kebolehpercayaan dalaman faktor-faktor motif penglibatan dalam sukan

Faktor	No Item	Tema (contoh item)	<i>Cronbach alpha</i>
1	3, 42, 52, 47, 21, 43, 26, 57, 45, 51, 28, 18, 12, 34, 54, 30, 44, 16, 58	Menaikkan Nama Negara (Item 3- Mahu menjadi pemain negara) (Item 42- Ingin memecahkan rekod dunia)	0.93
2	15, 22, 24, 20, 17, 27, 36, 25, 11	Kesihatan dan Kecergasan (Item 15- Ingin menjaga kesihatan tubuh badan) (Item 22- Ingin meningkatkan tahap kecergasan fizikal)	0.88
3	1, 56, 5, 7, 4, 8, 2	Peningkatan Kemahiran (Item 1- Ingin cemerlang dalam bidang sukan) (Item 56- Meminati sukan tersebut)	0.81
4	32, 29, 31, 33, 46	Inginkan Cabaran (Item 32- Sukakan sukan yang mencabar) (Item 29- Sukakan cabaran semasa bersukan)	0.78
5	9, 19, 50, 10	Inginkan Kejayaan (Item 9- Sukakan kemenangan) (Item 19- Sukakan ganjaran kemenangan)	0.74

6	35, 37, 23, 48	Kebanggaan Keluarga (Item 35-Ingin membanggakan ibu bapa) (Item 37-Ingin menjadi kebanggaan keluarga)	0.81
7	53, 49, 55, 14	Kebanggaan Diri (Item 53-Ingin mendapat pujian) (Item 49-Berasa bangga dengan diri sendiri)	0.68
8	6, 13, 41, 38	Kestabilan Emosi (Item 6-Ingin menghilangkan tekanan) (Item 13-Ingin mengisi masa lapang)	0.66
9	39, 40	Jaminan Masa Depan (Item 39-Memenuhi sebahagian syarat kemasukan ke universiti) (Item 40-Menjamin masa hadapan)	0.68

Hasil analisis komponen prinsipal telah membuktikan bahawa soal selidik Motif Penglibatan Sukan mempunyai kesahan konstruk yang boleh diterima. Panel pakar yang telah dibentuk mengesahkan instrumen MPS mempunyai kesahan kandungan dan dapat menguji dengan tepat motif penglibatan remaja dalam bidang sukan. Kajian 2 yang dijalankan menunjukkan nilai kebolehpercayaan *alpha cronbach* keseluruhan MPS adalah tinggi iaitu 0.95 dan kebolehpercayaan setiap faktor antara 0.51 hingga 0.90. Berdasarkan kepada penerimaan nilai kebolehpercayaan oleh Ary, Jacobs dan Razavieh (2002) soal selidik MPS adalah sah dan dapat menguji motif penglibatan remaja dalam sukan. Jadual 2 menunjukkan kebolehpercayaan instrumen MPS mengikut faktor masing-masing.

Jadual 2: Kebolehpercayaan soal selidik hasil kajian 2

Instrumen	<i>Cronbach alfa</i>
MPS (Keseluruhan)	0.95
1 Menaikkan Nama Negara	0.90
2 Kesihatan dan Kecergasan	0.84
3 Peningkatan Kemahiran	0.70
4 Inginkan Cabaran	0.75
5 Inginkan Kejayaan	0.78
6 Kebanggaan Keluarga	0.78
7 Kebanggaan Diri	0.72
8 Kestabilan Emosi	0.70
9 Jaminan Masa Depan	0.51

Perbincangan

Secara keseluruhannya instrumen MPS didapati mempunyai nilai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi dan dapat menguji motif penglibatan remaja dalam bidang sukan. Instrumen MPS yang mempunyai 58 item dan sembilan faktor motif iaitu Menaikkan Nama Negara, Kesihatan dan Kecergasan, Peningkatan Kemahiran, Inginkan Cabaran, Inginkan Kejayaan, Kebanggaan Keluarga, Kebanggaan Diri, Kestabilan Emosi dan Jaminan Masa Depan dapat digunakan untuk mengenal pasti motif remaja melibatkan diri dalam sukan mengikut konteks dan budaya Malaysia. Faktor motif penglibatan yang diperolehi dalam MPS mempunyai beberapa persamaan dengan subskala yang terkandung dalam instrumen

yang mengkaji motif panglibatan individu dalam aktiviti fizikal di negara barat seperti faktor Peningkatan Kemahiran, Kesihatan dan Kecergasan, Inginkan Cabaran, Inginkan Kejayaan dan Kestabilan Emosi (Gill, Gross & Huddleston, 1983; Li, 1999). Selain itu, faktor Menaikkan Nama Negara, Kebanggaan Keluarga, Kebanggaan Diri dan Jaminan Masa Depan merupakan faktor yang menjadi pilihan remaja Malaysia untuk melibatkan diri dalam sukan. Berpandukan Teori Penilaian Kognitif (Deci & Ryan, 1985), Motif Peningkatan Kemahiran, Kesihatan dan Kecergasan, Inginkan Cabaran dan Kestabilan Emosi, dikategorikan sebagai motif yang berbentuk intrinsik. Sementara Motif Kebanggaan Keluarga, Menaikkan Nama Negara, Jaminan Masa Depan, Inginkan Kejayaan dan Kebanggaan Diri dikategorikan sebagai motif yang berbentuk ekstrinsik. Implikasinya jurulatih, guru, dan individu yang terlibat dalam bidang sukan dapat menggunakan instrumen MPS untuk mengenalpasti motif penglibatan dan menyediakan suasana latihan yang kondusif. Walau bagaimanapun penyelidikan berterusan diperlukan untuk memurnikan lagi instrumen ini dengan melibatkan ciri-ciri responden yang berbeza.

Rujukan

- Alderman, R.B., & Wood. N.L. (1976). An analysis of incentive motivation in young Canadian athletes. *Canadian Journal of Applied Sport Science*, 1, 169-175.
- Amorose, A.J., & Horn, T.S. (2000). Intrinsic motivation: Relationship with collegiate athletes' gender, scholarship status, and perception of their coaches' behaviour. *Journal of Sport & Exercise Psychology*, 22, 63-84.
- Buonamano, R., Cei, A., & Mussino, A. (1995). Participation motivation in Italian youth sport. *The Sport Psychologist*, 9, 265-281.
- Coakes, S.J., & Steed, L.G. (2003). *SPSS, Analysis without anguish, version 10 for windows*. Australia: John Wiley & Sons Australia, Ltd.
- Deci, E.L., & Ryan, R.M. (1985). *Intrinsic motivation and self-determination in human behavior*. New York: Plenum Press.
- Delbecq, A.L., Van de Ven, A.H., & Gustafson, D.H. (1975). *Group techniques for program planning: A guide to nominal group and Delphi process*. Glenview, IL: Scott & Foresman.
- Fung, L. (1992). Participation motive in competitive sports: A cross-cultural comparison. *Adapted Physical Activity Quarterly*, 9(2), 114-122.
- Fung, L., & Chan, P. (1994). Sport participation motives of young Chinese athletes. *ICHPER*, 30, 21-25.
- Fortier, M.S., Vallerand, R.J., Briere, N.M., & Provencher, P.J. (1995). Competitive and recreational sport structures and gender: A test of their relationship with sport motivation. *International Journal of Sport Psychology*, 26, 5 - 23.

- Frederick, C.M., & Ryan, R.M. (1995). Self-determination in sport: A review using Cognitive Evaluation Theory. *International Journal of Sport Psychology*, 26, 5-23.
- Gill, D.L. (2000) *Psychological dynamics of sport and exercise* (2nd ed.). Champaign, IL: Human Kinetics.
- Gill, D.L., Gross, J.B., & Huddleston, S. (1983). Participation motivation in youth sports. *International Journal of Sport Psychology*, 14, 1-14.
- Gjesdal, S. Appleton, P.R., & Ommundsen, Y. (2017). Both the “What” and “Why” of youth sports participation matter; a conditional process analysis. *Front. Psychol.* 8(659). doi: 10.3389/fpsyg.2017.00659
- Hayashi, C.T., & Weiss, M.R. (1994). A cross cultures analysis of achievement motivation in Anglo-American and Japanese marathon runners. *International Journal of Sport Psychology*, 25, 187-202.
- Horn, T.S. (2008). *Advances in Sport Psychology* (3rd ed.). Champaign, IL: Human Kinetics.
- Holden, S. H., Pugh, S. F., & Schwarz, N.A (2017). Achievement motivation of collegiate athletes for sport participation. *International Journal of Sports Science*, 7(2), 25-28.
- Li, F. (1999). The Exercise Motivation Scale: Its multifaceted structure and construct validity. *Journal of Applied Sport Psychology*, 11, 97-115. <https://doi.org/10.1080/10413209908402953>
- Markland, D., & Hardy, L. (1993). The exercise motivations inventory: Preliminary development and validity of a measure of individuals' reasons for participation in regular physical exercise. *Personality and Individual Differences*, 15(3), 289-296. [https://doi.org/10.1016/0191-8869\(93\)90219-S](https://doi.org/10.1016/0191-8869(93)90219-S).
- Markland, D., & Ingledew, D. (1997). The measurement of exercise motives: Factorial validity and invariance across gender of a revised Exercise Motivation Inventory. *British Journal of Health Psychology*, 2, 361-376. <https://doi.org/10.1111/j.2044-8287.1997.tb00549.x>
- Masters, K.S., & Ogles, B.M. (1995). An investigation of the different motivation of marathon runners with varying degrees of experiences. *Journal of Sport Behavior*, 18, 69-79.
- Ogles, B.M., Masters, K.S., & Richardson, S.A. (1995). Obligatory running and gender: An analysis of participative motives and training habits. *International Journal of Sport Psychology*, 26, 233-248.
- Roberts, G.C. (1993). Motivation in sport: Understanding and enhancing the motivation and achievement of children. Dalam R.N. Singer, M. Murphy, & L.K. Tennant (Ed.) *Handbook of research on sport psychology* (405-418). New York: Macmillan

- Wann, D.L. (1997). *Sport psychology*. New Jersey: Prentice - Hall, Inc.
- Wang, J., & Wiese-Bjornstal, D.M. (1996). The relationship of school type and gender to motives for sport participation among youth in the People's Republic of China. *International Journal of Sport Psychology*, 28, 13-24.
- Weinberg, R.S., & Gould, D. (2003). *Foundation of sport and exercise psychology* (6th ed.). Champaign, IL: Human Kinetics.
- Weinberg, R., Tenenbaum, G., McKenzie, A., Jackson, S., Anshel, M., Grove, R., & Forgaty, G. (2000). Motivation for youth participation in sport and physical activity: Relationship to culture, Self-reported activity, levels, and gender. *International Journal of Sport Psychology*, 31, 321-346.
- White, S.A., & Duda, J.L. (1994). The relationship of gender, level of sport involvement and participation motivation to task and ego orientation. *International Journal of Sport Psychology*, 25, 4-18.
- Yan, J.H., & McCullagh, P. (2004). Cultural influence in youth's motivation of participation in physical activity. *Journal of Sport Behavior*, 27(4), 378-391.
- Ryan, R., Frederick, C., Lipes, D., Rubio, N., & Sheldon, K. (1997). Intrinsic motivation and exercise adherence. *International Journal of Sport Psychology*, 28, 335-254.
- Stratton, R. (2006). Coaching youth sport: Motivation in young athletes; Continuing to participate or dropping out. Diperolehi Ogos 15, 2006 daripada <http://www.bagoodsport.com>
- Trembath, E.M., Szabo, A., & Baxter, M.J. (2002). Participation motives in leisure centre physical activities. *Athletic Insight. The Online Journal of Sport Psychology*, 4, 1-119. Diperolehi Ogos 1, 2006. daripada <http://www.athleticinsight.com>.